

UCHAPAN Y.B. MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR
BANDAR, ENCHE' ABDUL GHAFAR BIN BABA SEMASA MENG-
GULONG PERBAHATHAN DASAR EKONOMI BARU DAN RANCH-
NGAN MALAYSIA KEDUA DI-PERSIDANGAN PARLIMEN PADA
HARI ISNIN 19HB. JULAI, 1971.

A. Da'awaan Y.B. Ahli Kota Bharu Ulu

Y.B. Ahli Kota Bharu Ulu telah chuba menyalahkan Kerajaan Pusat atas kegagalan Ranchangan Kemajuan Tanah Ayer Lanas yang di-tadbirkan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri. Sa-wenang2-nya Y.B. itu juga telah membabitkan Kerajaan Persekutuan atas kegagalan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri mengutip balek hutang peserta2 Ayer Lanas dan seterus-nya kegagalan Kerajaan Negeri membayar balek hutang sebanyak \$3 juta kepada LKTP yang di-gunakan bagi membuka Ranchangan Ayer Lanas itu.

Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan telah gagal mengutip balek hutang2 peserta di-Ayer Lanas oleh kerana Lembaga itu telah gagal mentadbir Ranchangan Ayer Lanas dan gagal memimpin dan mengawal peserta2 Ranchangan ini. Dalam masa 10 tahun yang lepas, pihak Kerajaan Negeri dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri tidak pernah menunjukkan sebarang minat bagi memaju dan menjayakan Ranchangan Ayer Lanas. Yang menjadi penting kapada Kerajaan Negeri hanya-lah untok menjadi Ayer Lanas satu modal politik.

Wang interest sa-banyak 60% yang di-katakan oleh Y.B. dari Kota Bharu Ulu itu ada-lah timbul dari kechuaian Lembaga Tanah Negeri Kelantan sendiri sebab-nya kerana wang itu tidak di-pungut dengan betul mengikut peratoran biasa di-mana menyebabkan interest itu, ia-itu compound interest telah berlipat ganda pada hal interest yang di-kenakan kapada peserta hanya 6½% sahaja. LKTP memungut semula wang2 ini berserta dengan interest-nya bukan-lah untok faedah LKTP tetapi ia-lah

untuk membayar semula wang yang di-pinjam sama ada dari Kerajaan Pusat atau pun daripada Bank Dunia.

Alasan yang di-buat oleh Kerajaan Kelantan dengan mengatakan ada hasutan2 yang di-buat terhadap peserta2 supaya jangan membayar hutang2 mereka sebagai satu sebab mengapa hutang2 itu tidak boleh di-pungut ada-lah tidak lojik. Kerana pemimpin2 Parti PAS pernah memberi uchapan di-dalam ranchangan tanah LKTP di-merata2 tempat mengatakan bahawa peserta2 LKTP di-pikulkan dengan beban yang berat untuk membayar balek hutang2-nya sedangkan di-Negeri Kelantan mereka2 yang di-beri tanah tidak di-kehendakki membayar apa2 hutang jua pun sebagai hendak menumpulkan semangat peserta2 supaya jangan membayar balek hutang kapada LKTP tetapi LKTP telah berjaya juga memungut balek wang2 yang telah di-belanjakan kapada peserta2 itu mengikut jadual yang di-tetapkan. Jika LKTP dapat memungut balek wang perbelanjaan daripada peserta2 sekali pun ada hasutan2 terhadap peserta2, mengapa-kah Lembaga Kemajuan Tanah Kelantan juga tidak boleh berbuat saperti itu.

Langkah2 dan tindakan bagi mentadbir dan mengawal ranchangan ini tidak pernah di-lakukan oleh pehak pentadbir ranchangan. Peserta2 ranchangan sentiasa terbiar begitu sahaja. Sebagai contoh, kebanyakkan daripada kakitangan Ranchangan Ayer Lanas pada masa ini tinggal di-Kota Bharu - 56 batu jauh-nya daripada tempat mereka bekerja. Dengan keadaan yang sa-demikian, pejabat ranchangan hanya di-buka sekali atau dua kali sahaja dalam sa-minggu. Oleh kerana itu, ranchangan2 dan peserta2 yang terbiar itu telah kechewa, hampa dan terpaksa membawa nasib sendiri.

Sebenar-nya hutang peserta tidak dapat di-kutip kembali oleh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri kerana ranchangan ini tidak mempunyai satu peratoran yang tegas bagi kutipan hutang2 peserta. Pembayaran hutang oleh peserta2 ada-lah dibuat sechara sukarela sahaja. Sebarang kawalan berkenaan dengan pengeluaran dan pemasaran tidak ada langsung. Peserta2 ada-lah bebas untuk menjual getah mereka kepada pembeli2 getah tempatan atau kepada sa-siapa sahaja tanpa sebarang kawalan dan pertolongan daripada pehak pentadbir ranchangan.

Dengan itu ada-lah mustahil bagi pehak Ranchangan untuk mengutip balek hutang2 daripada peserta2. Kerajaan Negeri dan pehak Lembaga Kemajuan Tanah Negeri ada-lah bertanggong-jawab di atas perkara ini oleh kerana mereka tidak mempunyai minat, dan tidak bertanggong jawab untuk mentadbir dan mengawal ranchangan ini dengan tegas-nya seperti yang di-jalankan di-ranchangan2 LKTP yang lain.

Ranchangan Ayer Lanas ada-lah merosot dan mendukachitakan. Mutu pertanian di-Ayer Lanas sangat memerlukan perbaikan. Torehan tidak terkawal kerana tidak ada pimpinan daripada pegawai2 dan kakitangan ranchangan. Kebanyakan kawasan getah di-ranchangan Ayer Lanas khabar-nya tidak pernah di-baja sejak tahun 1966. Ini menyebabkan pengeluaran getah yang begitu rendah.

Setelah pehak Kerajaan Negeri sedar kerosakan ranchangan Ayer Lanas dan menghampaskan peserta2 di-ranchangan itu maka, Y.B. Ahli Kota Bharu Ulu itu telah mengemukakan satu chadangan baharu pula - ia-itu untuk menyerahkan ranchangan itu kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Tujuan-nya ia-lah hendak melepaskan tangan-nya dan lari daripada tanggong jawab-nya itu.

Dalam tahun 1961 dahulu, kalau Y.B. itu maseh ingat, LKTP telah merayu kapada Kerajaan Negeri supaya menyerahkan Ranchangan Ayer Lanas kepada LKTP untuk di-tadbir dan di-majukan, Negeri2 lain telah menyerahkan ranchangan2 yang di-buka oleh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri masing2 kapada LKTP pada masa itu, dan ranchangan2 yang telah di-serahkan kapada LKTP telah dapat di-majukan dengan berpututan. Tetapi Kerajaan Kelantan telah enggan berbuat demikian. Mengapa baru sekarang terbuka pintu hati mereka hendak menyerahkan ranchangan tersebut kapada LKTP? Saya tidak perchaya mereka mahu menyerahkan-nya jika ranchangan itu berjaya.

Selama ini perundingan telah berjalan hanya di-antara pegawai2 Kerajaan Negeri Kelantan dengan Pegawai2 LKTP sahaja dan jika sekira-nya di-fikirkan mustahak bahawa saya sendiri suka hendak berunding secara langsung dengan Menteri Besar Kelantan untuk menyelesaikan masaalah ini supaya ra'ayat dapat menekmati ranchangan2 ini. Sama ada saya hendak bermain politik dalam soal ini atau pun dengan perasaan yang ikhlas hendak menolong ra'ayat negeri Kelantan tidak-lah perlu di-persoalkan hanya Tuhan menjadi saksi.

Pada hari ini, masaalah2 yang terdapat di-Ayer Lanas baik dari segi pentadbiran ranchangan dan pembangunan peneroka ada-lah besar dan rumit sekali, dan ada-lah tidak munasabah dan adil bagi LKTP memikul bebanan2 yang di-buat oleh Kerajaan Negeri dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri pada masa ini.

Y.B. Ahli dari Kota Bharu Ulu juga telah menyentoh tentang satu kawasan sa-luas 100,000 ekar yang di-tawarkan kapada LKTP untuk di-majukan. Tawaran ini telah di-buat baru2 ini sahaja. Bagi membuka satu kawasan yang begitu luas, perlu kita jalankan kajian penyesuaian yang teliti supaya kejayaan perlaksa

naan projek ini akan terjamin. Pehak LKTP telah menyemak dan membuat kajian tanah kawasan 100,000 yang terletak di-jajahan Ulu Kelantan itu, dan di-dapati hanya lebeh kurang 5,000 ekar sahaja yang sesuai untuk kemajuan pertanian.

Tambahan pula kawasan ini letaknya terpenchil dan perbelanjaan bagi membina jalan sahaja akan memakan belanja lebeh daripada \$5 juta. Dengan itu tawaran ini maseh lagi dalam timbangan Bahagian Peranchangan Ekonomi dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Namun demikian, Kerajaan Pusat sentiasa tidak melupakan tentang untong nasib penduduk2 di-negeri Kelantan yang tidak berpeluang mempunyai ranchangan2 LKTP di-sana. Sunggoh pun demikian, peluang2 ada-lah terbuka bagi ra'ayat Kelantan untuk memasuki ranchangan LKTP yang di-buka di-negeri2 lain dan dengan itu sudah terdapat lebeh 400 orang daripada Kelantan yang telah di-tempatkan di-ranchangan2 LKTP di-seluroh Malaysia Barat.

Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Arshad dari Kawasan Muar Utara menchadangkan supaya tempoh pembayaran hutang di-lanjutkan daripada 7 tahun kapada 10 tahun. Yang sebenar-nya tempoh pembayaran hutang yang telah di-tetapkan ia-lah 15 tahun. Usaha memberikan tanah lain yang baru di-buka kapada peserta2 yang telah di-keluarkan daripada tanah ranchangan memang ada di-jalankan.

Dalam uchapan Wakil Ra'ayat daripada Kota Bharu Ulu, Dato' Hari Asri, menyebutkan "Kalau Kerajaan mengambil tanah daripada orang ramai saluas 500 ekar dengan harga \$2,000/- sa-ekar maka Kerajaan akan berbelanja sebanyak \$100,000/-". Kira2 yang di-buat oleh Ahli Y.B. itu ada-lah salah.

Jika sekira-nya sa-ekar tanah berharga \$2,000/- maka harga untuk 500 ekar ia-lah \$1 juta bukan \$100,000/- saperti yang di-sebutkan-nya itu. Jika untuk 500 ekar sahaja pun Kerajaan terpaksa berbelanja sebanyak \$1 juta maka sudah pasti beribu2 juta ringgit mesti di-sediakan untuk membeli beratus2 ribu ekar tanah yang hendak di-satukan dan di-pechahkan kepada unit2 saperti yang di-chadangkan oleh Ahli Y.B. itu. Ini menunjukkan uchapan oleh Y.B. itu hanya satu uchapan sembarang sahaja dengan tidak membuat perhitongan yang betul. Jika kira2-nya salah maka seluroh ranchangan yang di-utarakan-nya itu tidak boleh di-pakai.

Walau pun perbelanjaan menjalankan ranchangan saperti ini besar, tetapi tidak-lah berma'sna Lembaga Penyatuan dan Pemulehan Tanah Negara tidak mahu memikirkan dan melaksanakan ranchangan itu. LPPTN pada masa ini telah banyak menumpukan tenaga-nya untuk membaiki ranchangan2 tanah pinggir yang tidak berjalan dengan sempurna. Saya suka menyebutkan bahawa LPPTN telah di-perbesarkan dengan satu bentuk yang baru bagi membolehkan lembaga itu membuka ranchangan tanah untuk belia2 dan juga membuat ranchangan pemulehan tanah2 yang tidak ekonomik yang ada sekarang. LPPTN menunggu keputusan banchi yang telah di-buat oleh Kerajaan kerana daripada banchi itu-lah baru di-ketahui kedudukan tanah2 yang tidak ekonomik saperti yang di-sebutkan oleh Ahli2 Y.B. itu. Kerajaan sedar di atas perkara tersebut maka sebab itu-lah LPPTN di-tubohkan. Oleh kerana ranchangan itu rumit dan berkehendakkan banyak wang sedangkan wang perlu digunakan untuk membuka tanah2 baru maka oleh itu setakat ini usaha2 ada-lah di-jalankan dengan chara berperingkat2 dan akan mengambil masa yang panjang untuk menjayakan dengan sepenoh2-nya.

Ahli Y.B. dari Kota Bharu Ulu juga mengingatkan setengah2 pehak supaya menyedari hakikat yang berlaku sa-belum dan sa-sudah 13 Mei, 1969. Saya faham apa yang di-maksudkan itu. Jika uchapan itu di-tujukan-nya kepada Parti Perikatan tidak-lah tepat sama sekali kerana daripada semenjak 20 tahun dulu lagi Parti Perikatan-lah yang telah mengingatkan tentang bahaya perkauman. Oleh sebab itu uchapan saperti yang di-buat-nya itu ada-lah tepat jika di-tujukan kepada Parti Pembangkang sendiri kerana mereka-lah yang tidak menyedari hakikat itu selama ini. Saya berharap kesedaran mengenai perkara tersebut akan berkekalan di-kalangan pehak pembangkang.

8

B. Da'awaan YB Ahli Bandar Melaka

YB Ahli Bandar Melaka telah membuat beberapa da'awaan terhadap LKTP. Tetapi sayang sedikit tuduhan2 itu di-buat berdasarkan anggapan2 yang salah. Dengan itu, analisa2 dan kesimpulan2 yang di-buat oleh YB itu di-dapati sunggoh mengelirukan.

YB Ahli Bandar Melaka telah menda'awa LKTP tidak ada memberitahu peserta2 tentang kira2 hutang-nya. Saya tidak tahu di-mana Ahli YB itu dapat ma'alumat ini.

Kira2 peserta bagi 34 daripada 53 ranchangan LKTP yang telah mengeluarkan hasil telah di-siapkan oleh Lembaga. Peserta2 di-Ranchangan2 ini telah di-beritahu tentang kira2 hutang mereka oleh Lembaga. Sabilangan 9,000 daripada 21,500 peserta2 Lembaga telah pun mengetahui tentang tanggongan hutang-nya bagi perbelanjaan dan pembukaan ladang dan pembinaan rumah-nya.

Ahli YB itu telah juga menuduh Lembaga sechara mclulu kerana mengambil peranan pemasaran hasil2 peserta. Peranan pemasaran ini wajib di-mainkan oleh Lembaga sendiri, kerana kita perlu menjamin-kan supaya peserta2 mendapat hasil dan harga pasaran yang terbaik sekali bagi pengeluaran getah dan kelapa sawit-nya. Kita tidak ingin melihat peserta2 LKTP di-tindas saperti terdapat pada satengah2 pekebun2 kechil dan orang2 kampong yang menjual getah mereka kapada orang2 tengah.

Ahli YB itu juga menyalahkan Lembaga kerana mengadakan kedai2 runchit di-ranchangan2 tanah untuk memberi perkhidmatan kapada peserta2. Ahli YB itu harus sedar bahawa penubohan kedai2 ini timbul dari desakan keadaan dan peserta2 sendiri yang meminta supaya kedai2 ini di-buka oleh LKTP sendiri kerana kedai2 yang di-buka oleh Sharikat2 persendirian sabelum daripada itu, telah tidak dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan kapada peserta2.

Ada-lah menjadi tujuan LKTP untuk memperbesarkan Bahagian Kedai2-nya dan Bahagian Kedai2 ini akan di-jadikan satu Perbadanan dan saham2-nya akan di-jual kapada peserta2 sendiri. Pada masa ini sebahagian besar daripada kakitangan kedai2 ini ada-lah terdiri dari-pada tanggongan peserta. Dengan ini Lembaga akan dapat melateh anak2 peserta dalam bidang perniagaan dan ini ada-lah selaras dengan dasar ekonomi baru Kerajaan untuk melateh orang2 luar bandar bermiaga.

Berhubung dengan chukai pembangunan yang di-bangkitkan oleh Ahli YB itu, perkara ini tidak perlu di-perbesarkan. Chukai pembangunan ini akan hanya di-kenakan sekira-nya pendapatan berseh sa-saorang peserta itu meningkat lebeh daripada \$3,000 sa-tahun. Kadar pembayaran-nya ada-lah kecil ia-itu 5%. Dengan itu peserta2 akan hanya membuat pembayaran chukai ini apa-kala harga getah atau minyak kelapa sawit itu meningkat tinggi.

Perhatian dan analisa berkenaan dengan LKTP yang di-buat oleh Ahli YB dari Bandar Melaka itu sangat mengelirukan. Salah faham ini timbul apa-kala kenyataan2 ini di-buat oleh sa-saorang yang tidak mahir dan tahu menahu tentang kira2 perbelanjaan2 dalam pembangunan tanah.

Ahli YB patut ketahui bahawa angka2 perbelanjaan yang di-chontohkan-nya bagi tahun 1956 hingga 1960 itu tiada pertalian dengan perbelanjaan untok sa-ekar tanah yang di-majukan atau pun dengan bilangan peserta2 yang di-tempatkan. Ini ia-lah kerana dalam tempoh pembangunan itu, LKTP bukan-lah melaksanakan projek2 itu se secara langsung tetapi hanya memainkan peranan sebagai satu Lembaga yang mentadbir dan menyalorkan pinjaman2 kapada Lembaga2 Kemajuan Tanah Negeri.

Saya suka juga menjelaskan kapada Ahli YB bahawa angka \$305 juta yang di-gunakan-nya itu bagi perbelanjaan dalam tempoh 1966-70 untok analisa-nya ia-lah angka peruntukan yang di-buat oleh Kerajaan dan tidak apa yang sabenar-nya di-belanjakan.

Di-sini kita nampak bahawa Ahli YB dengan sengaja menggunakan angka perbelanjaan yang lebeh tinggi bagi membandingkan dengan kemajuan2 yang telah tercapai oleh LKTP. Perkara yang sabenar-nya telah di-nyatakan dengan terang-nya dalam Ranchangan Malaysia Kedua bahawa perbelanjaan bagi tempoh tahun 1966-1970 bagi LKTP ia-lah \$248.4 juta.

Maka berbalek kapada so'al pokok perbelanjaan sa-jumlah \$248.4 juta ini bukan-lah di-belanjakan semata2 untok menempatkan 11,900 keluarga yang di-tempatkan dalam tempoh yang di-ranchangkan itu sahaja. Perbelanjaan2 ini termasok juga perbelanjaan2 memberi pinjaman kapada peserta2 yang telah di-tempatkan sabelum daripada tahun 1966. Ini ia-lah kerana LKTP memberi pinjaman dan bantuan kapada peserta2 untok membeli baja dan ubat2 serangga sahingga

tanaman-nya mengeluarkan hasil. Dengan itu pada keselurohan-nya 20,365 keluarga telah mendapat bantuan pinjaman daripada LKTP, dalam tempoh yang di-ranchangkan dan ini pada pukul rata ia-lah \$12,197 untuk satu keluarga.

Membuat kesimpulan tentang perbelanjaan pukul rata seperti pada yang di-lakukan oleh YB itu sangat mengelirukan. Sekira-nya Ahli YB betul2 berminat untuk mengetahui berapa-kah perbelanjaan yang sabenar-nya di-bawah ranchangan LKTP untuk mengadakan satu2 pekerjaan (job opportunity), ia-itu perbelanjaan bagi menempatkan satu keluarga di-ranchangan kemajuan tanah sahingga tanaman-nya mengeluarkan hasil, angka yang sabenar-nya ia-lah \$16,000 - \$17,000. Perbelanjaan ini termasok juga perbelanjaan pentadbiran, bekalan ayer paip, jalan dan kemudahan2 sosial dan saterus-nya. Manakala untuk mendapatkan satu pekerjaan dalam lapangan perusahaan di-taksir memerlukan perbelanjaan \$25,000 pada pukul rata.

Angka2 tentang luas kawasan, juga sengaja di-kelirukan oleh YB itu. Beliau menggunakan angka 179,000 ekar yang telah di-majukan dalam tempoh tersebut. Ahli YB itu perlu mengctahui bahawa selain daripada kawasan baru yang telah di-majukan oleh Lembaga, LKTP juga menjaga pada pukul rata kawasan tambahan sa-luas 115,000 ekar setahun dan dengan itu perbelanjaan2 yang di-keluarkan itu patut dibandingkan dengan kawasan sa-luas 294,000 ekar dan tidak 179,000 ekar yang di-gunakan. Dengan itu perbelanjaan pada pukul rata bagi sa-ekar itu ada-lah \$845.

Berkenaan dengan pendapatan peserta2 sekarang ada-lah tidak benar bagi YB itu menyatakan yang peserta2 LKTP pada masa ini menerima pendapatan \$20 - \$30 sa-bulan. Pada pukul rata pendapatan bersih peserta2 LKTP di-ranchangan2 getah ada-lah lebih kurang \$150 sa-bulan walau pun dengan keadaan harga getah yang rendah pada hari ini. Bagi ranchangan2 kelapa sawit peserta2 menerima pendapatan bersih lebih kurang \$250 sa-bulan.

Saya rasa tidak perlu bagi kita mengadakan Jawatan Kuasa2 Ponyiasat untuk melawat ka-ranchangan2 LKTP kerana ranchangan2 ini sedang berjalan dengan baik-nya. Saya suka mengeshorkan kapada Ahli YB itu supaya melapangkan masa dan melawat-lah ranchangan2 Lembaga yang terbuka kapada sa-siapa untuk melihat-nya dan apabila YB itu mengunjungi ka-sana datang-lah menerusi pintu hadapan - jangan hanya masuk menerusi pintu belakang untuk menchari salah semata2.

Berhubung dengan perkara memberi peluang kapada peserta2 bukan Melayu saya sangat dukachita-lah kerana Y.B. dari Bandar Melaka telah menujoh Kerajaan dengan chara melulu tanpa membuat penyiasatan yang teliti. LKTP memang-lah ada mengambil peserta2 bukan Melayu di-kechualikan di-ranchangan2 di-dalam kawasan Reserve Melayu (Malay Reservation).

Apa yang sebenar-nya berlaku orang2 bukan Melayu tidak berapa gemar menyertai Ranchangan LKTP mungkin mereka menganggap bahawa keuntongan yang di-perolehi daripada Ranchangan LKTP terlaku sedikit bagi mereka.

Y.B. itu telah mengeluarkan perkara ini berdasarkan kapada pandangan perkauman semata2 atau pun sengaja tidak hendak memahami kedudukan yang sebenar-nya.

Ahli Y.B. itu juga telah membangkitkan bahawa ranchangan pembangunan tanah di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Kedua di-dapati tidak memuaskan bagi beliau kerana:

(i) ranchangan2 pembangunan tanah jenis Public Estate, Private Estate dan Joint-Venture Estate mengambil sebahagian besar daripada ranchangan2 pembangunan tanah, hampir2 200,000 ekar, dan ini pendapat beliau akan tidak memberi faedah pekerjaan kapada ra'ayat;

(ii) ranchangan tanah belia, ranchangan tanah pinggir dan ranchangan tanah berkelumpuk (block planting) tidak memuaskan kerana peserta2 di-beri tanah hanya hingga 5 ekar

Saya suka memberi ma'alonan kapada Ahli Yang Berhormat itu bahawa keraguan-nya di atas kedua2 perkara tersebut ada-lah tidak berasas sama sekali. Pembangunan tanah yang berbentuk Private Estate, Public Estate dan Joint-Venture Estate itu ada-lah bertujuan untuk mengadakan peluang2 kerja kapada warganegara yang selama ini tidak berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan dalam estate2. Kerajaan Negeri dan Persekutuan akan mempunyai kuasa terutama di-bawah ranchangan pembangunan tanah berupa Joint-Venture dan Public Estate untuk menentukan pekerja2 yang akan di-ambil, dan chara ini juga akan membolehkan Kerajaan memberi peluang kapada pemodal2 private menanamkan modal mereka dalam pembangunan tanah bersama2 dengan modal2 Kerajaan.

Perkara kedua yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah tidak benar kerana di-bawah ranchangan pembangunan tanah belia, ada-lah menjadi dasar bahawa tiap2 peneroka akan di-beri di-antara 8 hingga 10 ekar tanah yang di-tanam dengan getah atau kelapa sawit, dan di-bawah ranchangan tanah pinggir (FELCRA Scheme) sa-orang peserta akan di-beri sekurang2nya 5 hingga 7 ekar tanah supaya dapat menambah tanah2 yang di-punyai oleh peserta2 menjadi-kan jumlah 10 ekar tiap2 seorang.

Ahli Y.B. dari PAYANG Dato' Haji Abdul Rahman Yaacob.

Ahli Y.B. itu telah menyatakan bahawa Sharikat bas MARA di-Sarawak di-kehendaki memesan alat2 ganti (spare parts) dari Kuala Lumpur. Peratoran ini di-dapati tidak memuaskan dan beliau menggesa supaya Pegawai MARA Negeri Sarawak di-beri kuasa untuk membuat urusan atas perkara2 seumpama ini.

Sebabnya bekalan alat2 ganti (spare parts) untuk bas2 MARA di-Negeri Sarawak di-perbuat oleh Ibu Pejabat dan juga di-hantar dari Kuala Lumpur, ia-lah kerana keperluan2 itu tidak dapat di-perolehi di-Negeri Sarawak. Di-kesemua bahagian di-Sarawak, kechual i Miri, di-Bahagian 4, bolehlah di-katakan apa juga keperluan yang di-kehendaki untuk mengganti parts bas2 itu tidak ada di-jual di-kedai2, dan sedangkan di-Miri, hanya parts bagi Land Rover sahaja ada di-jual, dan itu pun dengan harga yang tersangat mahal.

Oleh kerana kebanyakan dari bas2 MARA yang ber-khidmat di-Negeri Sarawak terdiri dari jenis Seddon, yang mana alat2 ganti tidak ada di-jual di-Negeri itu, maka alat2 ganti itu terpaksa di-bekalkan dari Kuala Lumpur. Walau bagaimana pun, pegawai yang menjaga bas2 itu di-Negeri Sarawak ada-lah telah di-berikan arahan supaya membeli apa alat ganti untuk Land-Rover2 itu yang dapat di-perolehi di-Negeri Sarawak.

Saperti Ahli Y.B. sedia ma'alom, kerumitan perkara ini bukan-lah terhad kapada pembekalan alat2 ganti sahaja, bahkan meliputi juga soal masa yang di-ambil untuk alat2 ganti itu tiba di-tempat2 yang berkenaan. Oleh kerana keadaan perhubungan di-Negeri Sarawak itu sulit, maka kerap kali alat2 ganti itu tiba lewat di-tempat2 yang berkenaan, dan ada juga berlaku-nya perkakas2 itu tidak tiba langsung.

MARA memang suka hendak mengadakan setok alat2 ganti (spare parts) untuk kegunaan bas2 MARA di-seluroh negeri Sarawak tetapi, oleh kerana MARA terpaksa membayar chukai ka-atas semua spare parts yang dibawa masok ka-Negeri Sarawak, maka ini akan mendatangkan kerugian yang lebih besar kepada bas2 MARA itu kerana spare parts tersebut belum tentu sama ada hendak d-gunakan atau pun tidak (dead stock). Untuk mengelakkan kerugian yang besar, maka dengan sebab itu-lah spare parts yang di-kehendaki sahaja di-hantar terus dari Kuala Lumpur.

Saperti Ahli Y.B. ma'alom, MARA pada masa ini ada-lah sedang menjalankan rundingan dengan Kerajaan Negeri Sarawak, mengenai perkara itu. Beberapa chadangan telah pun di-kemukakan kapada Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak untuk di-pertimbangkan, dan kira-nya shor yang di-buat itu dapat di-terima, maka ada kemungkinan bagi MARA membaiki keadaan ranchangusaha bas MARA pada masa hadapan. Walau bagaimana pun, MARA akan terpaksa mengambil masa sekurang2-nya setahun untuk membaiki kedudukan ranchangusaha bas-nya di-Negeri Sarawak supaya sesuai bagi keperluan pendudok2 Miri, Bintulu dan Limbang.

Ranchangan bas MARA di-Sarawak akan mengambil masa yang sangat lama untuk membuat keuntongan kerana jalan2 raya yang di-lalui oleh bas2 tersebut sangat burok dan orang yang menggunakan-nya pun tidak begitu ramai. Memandangkan kapada kesulitan ini saya telah pun berkali2 memo-hon supaya Kerajaan Negeri Sarawak sendiri mengambil aleh ranchangan tersebut tetapi Kerajaan Sarawak menolak. Ini ada-lah menurjokkan bahawa Kerajaan Sarawak sendiri sedar tentang kesulitan yang di-hadapi oleh MARA itu. Usaha2 untuk memperbaiki keadaan itu telah pun saya binchangkan dengan Ketua Menteri Sarawak itu sendiri sedikit masa yang lalu dan beliau chukup faham tetapi saya rasa dukachita perkara yang saperti itu di-bangkitkan dalam Dewan ini menyebabkan orang ramai harus menyalahkan MARA

maka dengan sebab itu saya terpaksa memberi jawapan-nya supaya orang ramai mengetahui kedudukan yang sebenar.

Y.B. Dato' Abdul Rahman Yaacob juga menyebutkan tentang kelambatan MARA mendirikan kedai di-Sarawak. Ter-setujuan Kerajaan Sarawak untuk memberi tanah kepada MARA hanya baru di-buat beberapa bulan sahaja dan amat-lah tidak wajar untuk melihat bahawa kedai itu telah siap sekira-rang ini kerana membuat pelan2 dan memanggil tender ada-lah memakan masa yang panjang. Selain daripada itu MARA terpaksa mengkaji dengan sedalam2-nya tentang jumlah ahli2 perniagaan yang sebenar2-nya berminat yang di-harapkan boleh maju untuk mengambil kedai2 tersebut. Apabila MARA telah yakin bahawa kedai2 itu akan berjaya baru-lah pembinaan-nya di-mulakan. MARA terpaksa berbuat demikian kerana daripada pengalaman yang di-alami banyak di-dapati kedai yang telah siap di-dirikan tetapi bilangan orang2 yang hendak mengambil-nya tidak chukup. MARA tidak mahu kesilapan saperti itu berlaku pula di-Sarawak. Mendirikan rumah2 kedai ada-lah senang tetapi hendak menyatukan orang Melayu yang sebenar2-nya hen-dak berniaga ada-lah merupakan perkara yang penting sekali.